Tenants must write a report to the Corporation of any damages or loss or injuries in order for them to take necessary action.

**16. PERBADANAN STADIUM MERDEKA TIADA
TANGGUNGANNYA TERHADAP KEHILANGAN DAN KECEDEeraan**

*The Merdeka Stadium Corporation Has
No Responsibilities Towards 'Loss And Injuries'*

- 16.1 Pihak Perbadanan adalah tidak bertanggung terhadap sebarang kemusnahan, kerosakan kepada mana-mana harta, kemudahan, peralatan atau nyawa yang mungkin dan akan berlaku kepada penyewa, pekerja dan sub kontraktornya atau siapa jua wakilnya sewaktu penyewaan venue yang mungkin diakibatkan oleh gangguan bekalan elektrik dan sebagainya yang mungkin menyebabkan venue terbabit perlu ditutup sementara atau penyewaan tanggungan atau dibatalkan.

The Corporation will not take any responsibilities towards tenants belongings, staff, sub-contractors or any representatives throughout the rental period which might be caused by a power failure etc. that leads to temporary closure or cancellation of the venue.

**17. JAMINAN
Guarantee**

- 17.1 Penyewa adalah bersetuju pada setiap masa untuk bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan kerugian dan gantirugi yang dikemukakan oleh Perbadanan bagi sebarang saman, kos, caj, perbelanjaan dan lain-lain tanggungan dimana Perbadanan mungkin menghadapinya disebabkan oleh sebarang individu (termasuk penyewa) bagi kecederaan individu :-

Tenants must agree at all times to be responsible of any loss claims highlighted by the Corporation for any summons, cost, charges, expenses etc. caused by the tenant :-

- a) Bertanggungjawab terhadap kemungkinan apa-apa kerugian, kemungkiran janji dan sebagainya;

Responsible towards any losses, failure to fulfill the agreement etc.;

- b) Bertanggungjawab terhadap apa jua tuntutan dan tindakan undang-undang dari mana-mana pihak berkaitan hak cipta, hak persendirian dan lain-lain terhadap mana-mana penama atau acara yang dibawa ke venue milik Perbadanan;

Responsible for any claims and legal action from any parties related to copyrights, individual rights etc. towards nominee or event brought to the Corporation venue;

- c) Bertanggungjawab terhadap apa jua kemungkinan berlaku kemalangan, kecederaan, kehilangan dan kemusnahan sama ada harta benda atau nyawa sewaktu menyewa venue berkenaan.

Responsible for any accidents, injuries, loss and damages of assets and lives throughout the rental period.

- 17.2 Sekiranya acara berkenaan terpaksa dibatalkan ekoran daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, maka tanggungjawab terhadap apa jua tuntutan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak adalah di bawah tanggungan pihak tuan.

In the event of show cancellation due to the matters stated above, tenants must be responsible for all claims from any parties concerned.

18. INSURANS

Insurance

- 18.1 Pihak penyewa hendaklah membeli insurans tanggungan awam yang bersesuaian bagi tuntutan sebarang tuntutan terhadap kemalangan, kecederaan, kerosakan atau apa jua yang mungkin terpaksa ditanggung oleh individu lain yang menggunakan venue.

Tenants must purchase public liability insurance for any claims due to accidents, injuries, damages etc claimable by the third party (audience) at the said venue.

19. KESELAMATAN DAN KAWALAN PENONTON

Security and Crowd Control

- 19.1 Penyewa adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap:-

Tenants are fully responsible for :-

- a) Keselamatan dan kawalan penonton sebelum, semasa dan selepas acara di venue tersebut;

Security and crowd control of the general public before, during and after the show at the said venue;

- b) Satu penyelarasan yang efisien dan bersesuaian untuk aspek kawalan terhadap kanak-kanak, keselamatan masuk dan keluar orang ramai dan keselamatan sewaktu kecemasan;

An efficient coordination in controlling the incoming and outgoing of the general public during an emergency.

- c) Keselamatan di venue dan memastikan setiap kelakuan para penonton, pekerja ejen dan tetamunya sentiasa tertib serta bersopan santun sepanjang acara dan tidak menimbulkan kekacauan dan sebagainya;

The security personal in the venue must assure that the audience, staff and guests are at their best behavior and should not create any disturbance or riots.

- d) Memastikan setiap pintu keluar masuk adalah bebas dari sebarang halangan yang boleh mengakibatkan gangguan laluan untuk keluar.

Ensuring that the entrances and exits are not blocked.

- 19.2 Penyewa, dengan budibicara pihak Perbadanan bersetuju pada setiap waktu untuk membayar pada kosnya sendiri serta meletak pengawal keselamatan untuk kawalan keselamatan dan kawalan penonton sebelum, semasa dan selepas acara di venue.

Tenants must provide and pay for his/her own security guards at the venue to secure and control the crowds before, during and after the show.

- 19.3 Penyewa hendaklah menyediakan kakitangan tambahan yang sesuai pada pendapat Perbadanan Stadium Merdeka untuk memastikan kehendak di klausa 16.1 dipenuhi.

Tenants have to provide additional staff to fulfill Clause 16.1.

- 19.4 Perbadanan adalah berhak untuk melantik personel tambahan pada pendapatnya untuk mengawal keadaan sebelum, semasa dan selepas acara dan caj berkaitan akan dituntut daripada pihak penyewa.

The Corporation has the right to provide more personnel for the event should there be a lack of manpower to control the crowds before, during and after the show and whatever charges incurred will be borne by the tenant.

- 19.5 Penyewa hendaklah memastikan tiada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dibenarkan masuk ke dalam venue kecuali ditemani oleh seseorang dewasa.

Tenants have to ensure that children below 12 years of age are not permitted to enter the venues unless accompanied by an adult.

20. KACAU GANGGU

Interuption

20.1 Penyewa adalah dilarang daripada membenarkan sebarang kacau ganggu yang memungkinkan ketidakselesaan kepada Perbadanan Stadium Merdeka, pekerja, ejen dan jirannya.

Tenants are not allowed to create any disturbances/interference that would cause the Merdeka Stadium Corporation management staff and neighbors uneasiness.

21. TAHAP BUNYI

Sound Limit

21.1 Perbadanan mempunyai hak mutlak menentukan had tahap bunyi yang boleh diterima di venue miliknya dan pihak penyewa tiada sebarang hak dan obligasi untuk berbuat demikian.

The Corporation has the right to determine the limitation on sound loudness in the venue and the tenant would have to oblige to it.

22. ACARA TIDAK BERMORAL

Non-Moral Event

22.1 Pihak Perbadanan mempunyai kuasa mutlak untuk memberhentikan sebarang acara yang mana pada pendapat Perbadanan telah dilakukan secara tidak beretika dan wajar.

The Corporation has the right to discontinue any event, which is in-moral and not ethical from the Corporation point of view.

23. PENGUSIRAN INDIVIDU

Exile Of Individual

23.1 Perbadanan menerusi pegawai, kakitangan dan ejennya mempunyai kuasa penuh untuk mengusir mana-mana individu yang hadir dan berada di venue berkenaan yang mana pada pendapat Perbadanan tidak sesuai dan tidak boleh diterima.

The Corporation management, staff and agents have the right to exile any individual that's present at the said venue to which according to the Corporation is not suitable and non acceptable.

24. LARANGAN MEMAKU, MENAMPAL DAN LAIN-LAIN

Prevention From Nailing, Sticking And Others

24.1 Tiada sebarang selak, paku, paku tekan, skrew, pin, menampal atau apa jua objek berkaitan pada mana-mana bahagian diletakkan pada dinding dan bangunan venue berkenaan dibenarkan diletakkan oleh penyewa tanpa sebarang kelulusan bertulis kepada pihak Perbadanan.

Tenants are not allowed to bolt, nail, stick, screw, pin any objects on the wall or any part of the buildings venue without the permission from the Corporation.

25. HAIWAN

Animals

25.1 Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Perbadanan, penyewa adalah dilarang sama sekali sama ada menerusi penyewa, kakitangan, ejen atau penontonnya membawa masuk dan meletakkan haiwan di dalam venue.

Unless approved by the Corporation, the tenant, staff and audience are not permitted to bring any animals into the venue.

26. KEBERSIHAN

Cleanliness

26.1 Penyewa hendaklah setiap ketika memastikan venue disekitarannya berada dalam keadaan kemas dan bersih sewaktu tempoh sewaan.

The tenants have to make sure at any one time that the venue is always neat and clean during the rental period.

27. PEMUNGGAHAN PERKAKAS/PERALATAN PENYEWA

Unloading Of Tenant Equipment

27.1 Semua peralatan, perkakas dan barang atau harta milik penyewa hendaklah dibawa keluar selewat-lewatnya sebelum jam 8.00 pagi pada keesokan harinya. Jika pada keesokkan harinya terdapat sebarang acara, pihak penyewa perlulah membawa keluar semua peralatan, perkakas dan barang atau harta milik penyewa sebelum jam 4.00 pagi pada keesokkan harinya. Jika pihak penyewa gagal berbuat demikian, akan menyebabkan tuntutan dikenakan seperti di Kadar Sewa. Perbadanan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang harta yang ditinggalkan di premis Perbadanan.

Tenants equipments and belongings, have to be removed before 8.00 a.m the following day. If there is event to be held the next day, tenants need to remove their equipments and belongings before 4.00 am on the following day of the event itself. Failure to do so, charges will be incurred according

to Rate Cards. The Corporation will not be responsible for any property left in the premises.

28. IKLAN

Advertisement

28.1: Perbadanan boleh, pada kuasa dan budi bicaranya serta berasaskan permohonan penyewa boleh membenarkan atau sebaliknya :-

The Corporation allows tenants applications for the following :-

- a) Menyiar dan merakamkan acara yang diadakan di venue;
To broadcast and to record the show;
- b) Meletakkan iklan di dalam venue.

To put up advertising material in the venue.

28.2 Kadar dan kategori iklan adalah seperti dinyatakan di Kadar Sewa.

Advertising category and rates as per Rate Cards.

28.3 Perbadanan mempunyai hak untuk menjual iklan komersil kepada mana-mana pihak dan dipamerkan dalam bentuk (CVB) miliknya sebelum, semasa dan selepas acara atau sewaktu interval (rehat). Penyewa tiada hak untuk memancar apa jua iklan/komersil pada CVB kecuali mengemukakan bayaran seperti di Lampiran A atau apa jua kaedah yang ditentukan kelak oleh Perbadanan.

The Corporation has the right to sell commercial advertising space to any party in the form of Color Video Board (CVB) before, during and after the event and during intervals. The tenant has no right to broadcast any (CVB) commercial advertising unless payment is made as per attachment A or the rates determined by the Corporation.

28.4 Scoreboard berkenaan juga turut dibenarkan penggunaannya untuk sebarang kegunaan iklan dan kadar bayaran serta caj seperti di Kadar Sewa.

Scoreboard advertising is allowed according to the rates stated on Rate Cards.

29. PAPAN TANDA, BENDERA DAN LAIN-LAIN

Sign Boards, Flags And Others

29.1 Tiada sebarang papan tanda, notis, bendera, lambang atau apa jua perhiasan boleh dipaparkan sama ada di dalam atau luar atau mana-mana jua bahagian venue tanpa mendapat kelulusan pihak Perbadanan.

Signboards, notices, flags, and props are not allowed inside or outside the venues unless with the approval from the Corporation.

29.2 Perbadanan Stadium Merdeka boleh berdasarkan permohonan penyewa dan persetujuan penyewa membayar kedua-dua tertakluk untuk meletakkan papan tanda, notis, bendera, lambang dan perhiasan tertakluk jua kepada peraturan-peraturan semasa Perbadanan.

The Corporation will base on the tenants application and agreement for the placement of signboards, notices, flags, props and other advertising materials, subject to the rules and regulation of the Corporation.

30. LALUAN KELUAR DAN MASUK

Exits and Entrance

30.1 Tiada sebarang laluan keluar dan masuk boleh dihalang sama ada dengan kerusi, meja, perkakas dan sebagainya.

The exits and entrance must be free from any chairs, desks, furniture etc.

31. LAMPU

Lights

31.1 Tiada sebarang lampu tambahan atau sambungan daripada punca elektrik sedia ada dilakukan tanpa sebarang kelulusan Perbadanan.

No additional lights can be installed by using the venue existing electrical board/ power without the permission from the Corporation.

31.2 Bagi sebarang acara bila lampu limpah venue tidak digunakan untuk acara pada waktu malam, maka penyewa dengan kos di bawah tanggungannya sendiri serta dengan rundingan dan persetujuan Perbadanan hendaklah menyediakan dan memasang lampu-lampu yang bersesuaian dan mencukupi bagi membolehkan kawalan crowd diadakan dengan teratur serta teliti demi keselamatan orang ramai dan penonton.

In the event that the venues spotlight is not used at night, tenants have to make sure that the lights being installed must be bright enough to properly control the crowd for security reasons.

32. PELANGGARAN PERATURAN

Collision

32.1 Penyewa adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam apa jua keadaan melakukan apa tindakan yang boleh memberi kesan kepada Perbadanan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian terhadap mana jua syarat yang ditetapkan atau akan ditetapkan oleh Perbadanan.

Tenants are not permitted to perform any actions that may cause harmful consequences to the Corporation directly or indirectly.

33. KESAN/AKIBAT DARI PEMBATALAN

Result Of Cancellation

33.1 Dalam sebarang keadaan apabila Perbadanan mengemukakan notis seperti pada Klausula 33 dan 34, maka notis tersebut hendaklah berkuatkuasa tanpa sebarang prejudis kepada sebarang hak atau tanggungan Perbadanan.

In any situation, when the Corporation gives notice as per Clause 33 and 34, the notice will impose with immediate effect without any prejudice.

34. PERBADANAN BERHAK MEMOTONG/MENAHAN PEMBAYARAN

The Corporation Has The Right To Detach/Stop Payment

34.1 Dalam apa jua keadaan apabila pihak penyewa adalah gagal atau mungkir melaksanakan kehendak menyelesaikan bayaran yang dikemukakan oleh Perbadanan, maka ia mempunyai hak untuk menahan atau mengambil apa jua baki daripada deposit dan tindakan perundangan diambil bagi sebarang penyelesaian selanjutnya.

In the event that the tenant failed to settle the payment claimed by the Corporation, the Corporation has the right to take the balance deposit and legal action will be taken for the settlement accordingly.

35. PEMATUHAN DENGAN KEHENDAK DAN KEPERLUAN PERBADANAN

Rules and Requirements Of The Corporation

35.1 Pihak penyewa, pada sepanjang ketika akan dan hendaklah memastikan pekerja, ejen, kontraktor, penonton dan pelesenya sewaktu tempoh sewaan atau dalam apa jua masa sewaktu mereka berada di premis venue untuk tujuan menyempurnakan kontrak penyewaan, patuh kepada segala kehendak dan keperluan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai/ejen Perbadanan Stadium Merdeka.

The tenant, at all times must ensure that the staff, agents, contractors, audience and its licensor have to follow and obey all rules and requirements set by the Merdeka Stadium Corporation management during the rental of the premise as rental contract fulfillment.

36. PEMATUHAN DENGAN PERATURAN, UNDANG-UNDANG DAN LAIN-LAIN

Rules and Regulations etc.

- 36.1 Pihak penyewa, pada sepanjang ketika akan dan hendaklah memastikan pekerja, ejen, kontraktor, penonton dan pelesennya mematuhi segala peraturan, undang-undang serta apa jua kanun yang berkuasa dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Perbadanan Stadium Merdeka dalam memastikan pengurusan dan kawalan terutama terhadap venue-venue.

The tenant, at all times must ensure that the staff, agents, contractors, audience and its licensor to follow all rules and regulations set by the Corporation and to ensure that the management and security are top priority towards the venues assets.

37. PREMIS, LESEN DAN LAIN-LAIN

Premise, License etc.

- 37.1 Penyewa, pekerja, ejen dan kontraktor hendaklah memastikan pada setiap ketika didalam menyempurnakan kontrak penyewaan venue memperolehi apa jua permit, kelulusan dengan kebenaran daripada pihak berkuasa berkaitan meliputi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis DiRaja Malaysia dan lain-lain. Setiap salinan berkaitan hendaklah dipanjangkan kepada Perbadanan Stadium Merdeka dalam masa selewat-lewatnya 3 minggu sebelum acara tersebut bermula, melainkan dinyatakan sebaliknya.

The tenants, staff, agents, contractors must ensure all permits are approved from the relevent authorities such as Ministry of Culture, City Hall, Police and others. Each approval copy must be submitted to the Corporation not later than 3 weeks before the actual event date.

38. KEPUNYAAN DAN KAWALAN

Owning and Controlling

- 38.1 Penyewa, pekerja, ejen dan kontraktornya hendaklah memastikan tiada sebarang bentuk gangguan dalam apa jua bentuk terhadap Perbadanan Stadium Merdeka, pekerja atau ejennya dalam melaksanakan hak Perbadanan bagi kawalan dan hak mutlaknya terhadap venue dan mana-mana jua bahagiannya.

The tenants, staff, agents and contractors must ensure that there is no interruptions / disturbances towards the Corporation Management, staff and agents in controlling and assurance of the venue and whichever parts.

39. NOTIS
Notice

39.1: Sebarang notis, tuntutan, writ saman atau saman pemula yang dihantar oleh Perbadanan kepada penyewa dianggap sebagai penyerahan yang sempurna sekiranya diserahkan secara sendiri kepada penyewa atau secara pos berdaftar atau diserahkan kepada alamat di borang tempahan/borang permohonan atau alamat peribadi. Sebarang notis, tuntutan, writ saman atau saman pemula dihantar secara pos dianggap sebagai penerimaan yang sah oleh penyewa selepas 48 jam dari tarikh diposkan.

Penukaran alamat penyewa tidak menghalang hak pihak Perbadanan kecuali penyewa memberikan notis penukaran alamat kepada pihak Perbadanan.

Any notice demand, writ summons or originating process required or authorized to be given by the Corporation to the Tenant shall be deemed to have been given if served on the Tenant personally or sent to the Tenant by registered post or left at the address stated in this Booking Form / Application Form or at the private address. Any such notice, demand writ of summons or other originating process sent by post shall be conclusively deemed to have been received by the Tenant Forty Eight (48) hours after the date of such posting despite any evidence to the contrary.

No change in address by the Tenant howsoever brought about shall be binding on the Corporation unless that Tenant has given to the Corporation actual notice of the change.

40. HAK PERBADANAN STADIUM MERDEKA
The Merdeka Stadium Corporation Rights

40.1 Sekiranya penyewa tidak mematuhi sebarang terma-terma dan syarat-syarat dan penyewa gagal menyempurnakan atau gagal mematuhi pihak Perbadanan tanpa prejudis hak-hak Perbadanan, mempunyai hak-hak untuk mengambil tindakan Mahkamah terhadap penyewa untuk mendapat tuntutan terhadap penyewa untuk mendapat tuntutan terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh pihak Perbadanan atau gagal mematuhi sebarang terma-terma dan syarat-syarat pihak Perbadanan.

In the event the Tenant is in breach of any of the terms and conditions herein contained and if the tenant fails to remedy the breach within any period of time stipulated by the Corporation, without prejudice to any of the rights of the Corporation, the Corporation reserves the right to institute Legal action against the Tenant for the recovery of any loss or damages suffered by the Corporation and/or remedy of any of the breach of the term and condition by the Tenant.

41. KUATKUASA UNDANG-UNDANG

Law Enforcement

- 41.1 Semua kuatkuasa undang-undang berpandukan kepada Undang-undang Malaysia.

The parties hereto agree that this Agreement shall be governed by the Laws of Malaysia and agree to submit to the jurisdiction of the respective courts of the States of Malaya.

42. TEMPAT DUDUK AHLI LEMBAGA PERBADANAN STADIUM MERDEKA

The Stadium Merdeka Committee Member

- 42.1 Pihak penyewa acara tidak dibenarkan menjual tempat duduk yang telah dikhaskan untuk ahli lembaga oleh pengurusan Perbadanan ini untuk ahli Lembaga Perbadanan Stadium Merdeka sebanyak 45 tempat duduk.

Tenant are not allowed to sell the seats specially located for the Board Members of Stadium Merdeka Corporation. The total of seats for them are 45 seats.

- 42.2 Perbadanan ini berhak untuk menentukan tempat duduk tersebut.

Merdeka Stadium Corporation have a rights to allocate the seats.

43. PAS KEBENARAN MASUK STADIUM

Accudictation pass to enter the Stadium

- 43.1 Pengurusan Perbadanan ini berhak menyediakan pas kebenaran masuk stadium semasa acara berlangsung kepada Perbadanan ini.

Merdeka Stadium Corporation is given the rights to release the entering pass for the stadium.

- 43.2 Pihak penyewa mestilah mengiktiraf semua bentuk pas yang sah dikeluarkan oleh Perbadanan kepada pegawai, kakitangan, Ahli Lembaga dan sebagainya.

All kind of passes produced and released by Merdeka Stadium Corporeation for its staffs, member of board, etc. are valid and recognisable.

44. PANEL KONTRAKTOR

Panel of Contractor

44.1 Penyewa diwajibkan menggunakan panel-panel kontraktor yang berdaftar dengan Perbadanan Stadium Mereka sahaja bermula pada 1hb Januari 2000. Panel yang terlibat adalah bagi kerja-kerja seperti berikut:-

- a) Pembekal Makanan;
- b) Pentas;
- c) Sistem Lampu;
- d) Sistem Bunyi.

With affect from 1st January 2000, tenants are premitted to use only contractors that are registred with the Merdeka Stadium Corporation. The Panel of Contractor are those involved in:-

- a) *Food Catering;*
- b) *Stage;*
- c) *Lighting;*
- d) *Sound Systems.*

44.2 Panel-panel yang terlibat adalah seperti di Senarai Kontraktor.

The registered contractors are as per Panel Contractors.

45. HAD WAKTU MENGANJURKAN ACARA

Limited Time of Event

45.1 Penyewa hanya dibenarkan menganjurkan acara sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja kecuali mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa.

Tenants are allowed to hold their event until 12.00 midnight. Any events held beyond midnight will have to be approved by relevant authorities.

45.2 Penyewa dikehendaki mengemukakan bukit kelulusan tersebut secara bertulis kepada Perbadanan ini.

Tenants are required to show proof and in writing the approval obtained by the authorities concerned.

46. KAWALAN TRAFIK DAN LALU LINTAS

Road and Traffic Control

- 46.1 Penyewa diwajibkan berhubung dengan pihak berkuasa untuk mendapatkan khidmat kawalan trafik dan lalu lintas semasa acara berlangsung.

Tenants must liaise with the local traffic authorities for assistance in Road and Traffics Control.

- 46.2 Sebarang bentuk bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa terbabit adalah tidak melibatkan Perbadanan ini.

Any expenditure incurred in liaising with the authorities is self borne by the tenants.

4.7 BAYARAN MASUK KENDERAAN

Parking Fees

- 46.3 Semua kenderaan kecuali motorsikal akan dikenakan bayaran masuk sebanyak RM 1.50 sekali masuk kecuali jika terdapat pelekat kenderaan yang diluluskan oleh Perbdanan.

All vehicles except for motorcycles will be charged Parking Fees of RM 1.50 per entry to all parking guest. Parking fess will not be collected from vehicles with special stickers approved by Merdeka Stadium Corporation.

4.8 BAYARAN DENDA KELEWATAN MENURUNKAN IKLAN

Fined Wish Fail To Remove Are The Advertisement

- 4.8.1 Penyewa dikehendaki menjelaskan bayaran cagaran penggantungan iklan seperti banner, banting, billboard dan sebagainya sebanyak RM1,000.00 bagi satu acara kepada Perbadanan ini.

The tenant is required to pay the corporation a deposit of RM1,000.00 for each event being payment for advertisement banners, buntings, billboards, etc. being put up in the stadium and its surroundings.

- 4.8.2 Penyewa yang gagal untuk menurunkan iklan dalam tempoh 48 jam selepas acara berlangsung akan dikenakan denda sebanyak RM10.00 seunit iklan bagi setiap hari kelewatan.

The tenant who fail to remove all banners, buntings, billboards, etc. within 48 hours after the event is completed will be fined a sum of RM10.00 per unit per day.

